

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, July 1, 2019 3:22 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: ISCUUM 2019 Bincang Isu-Isu Penting Dunia



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

30 JUN 2019 / 26 SYAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

ISCUUM 2019 BINCANG ISU-ISU PENTING DUNIA



UUM ONLINE: Bertemakan *Multidisciplinary Perspectives in Research, 1st International Scholars Conference* Universiti Utara Malaysia 2019 (ISCUUM 2019) membawa penyelidik dari pelbagai bidang penyelidikan berkongsi dan membincangkan isu-isu penting di seluruh dunia.

Dekan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Prof. Dr. Shukri Ahmad berkata, persidangan ini adalah platform kepada para sarjana dari seluruh dunia seperti China, Nigeria, Pakistan, Thailand dan negara Timur Tengah seperti Mesir, Iraq dan Iran untuk membincangkan isu semasa yang berkaitan dengan bidang penyelidikan multidisiplin.

"Abstrak yang diterima meliputi pelbagai topik antaranya; Perniagaan dan Kewangan, Sejarah, Keusahawanan, Psikologi-rohani, Pengajian Islam dan Quran, Pendidikan, Linguistik Terapan,

Sains, Pelancongan, Hotel dan Pengurusan Industri dan Senjata Api. Sungguh menakjubkan melihat isu-isu yang dikaji di seluruh dunia!” katanya.

Jelasnya, beberapa penceramah dijemput untuk menyampaikan ucapnama dalam perkongsian maklumat berharga untuk pemahaman yang lebih baik mengenai isu dalam bidang akademik dan penyelidikan.

“Melalui program anjuran SLCP dengan kerjasama Postgraduate Scholar Society (PGSS UUM) ini, diharapkan para peserta akan mendapat pengalaman yang berguna dari pelbagai aspek kajian dan penemuan yang akan dibentangkan serta mendapat panduan untuk penyelidikan dan penerbitan, sejajar dengan asas penyelidikan dalam pelbagai disiplin ilmu,” ujarnya.

Program ini turut membariskan lima ucapnama yang terdiri daripada Prof. Dr. Rosna Awang Hashim (SEML, UUM), Prof. Madya Dr. Chan Nee Nee (QUEST International University, Perak), Prof. Madya Dr. Muhammad Muda (SOIS, UUM), Dr. Muhammad Salman Shabbir (USM) dan Dr. Manvender Kaur a/p Sarjit Singh (SLCP, UUM).

ISCUUM 2019 ini menjadi platform untuk membentangkan hasil penyelidikan pelajar pascasiswazah di UUM, selain dapat menambah hasil penerbitan artikel penyelidikan di mana hasil pembentangan di persidangan ini akan diterbitkan di dalam beberapa jurnal berindeks Scopus dan *peer-reviewed*.

Sementara itu, Pengarah ISCUUM 2019, Dr. Manvender Kaur a/p Sarjit Singh berkata, objektif program ini adalah untuk menyatukan pelajar pascasiswazah di UUM berkongsi pengalaman serta hasil penyelidikan dengan pelajar dari pelbagai universiti dunia dalam mempamerkan hasil penyelidikan sekali gus menambah visibiliti UUM di mata dunia.

Persidangan ISCUUM 2019 yang diadakan buat kali pertama ini, mempamerkan pembentangan sebanyak 108 kertas kerja dari pelbagai disiplin di mana 81 pembentangan secara *oral* dan 27 pembentangan secara *virtual* di SMMTC.

Menurutnya, persidangan ini amat bermanfaat kepada pelajar terutamanya sebagai medium untuk membentangkan hasil kajian selain mendapat maklum balas yang membolehkan penambahbaikan dibuat terhadap penyelidikan mereka.

“Sungguhpun pelajar mempunyai penyelia masing-masing tetapi input daripada panel lain dan sesi soal-jawab membolehkan lebih banyak maklumbalas diperolehi, yang merangkumi aspek yang lebih luas daripada yang dapat difikirkan oleh pelajar dan penyeliannya,” katanya.

Melalui persidangan ini tambahnya, pelajar PhD dan Sarjana dapat mengenali rakan-rakan yang lain serta mengetahui bidang kajian rakan-rakan di samping menggalakkan penyertaan aktif pelajar dalam melestarikan budaya ilmu dan penyelidikan.

Dalam pada itu, Persidangan ISCUUM 2019 turut diserikan dengan Majlis Makan Malam yang dihadiri oleh para peserta, Dekan dan staf SLCP, di Dewan Pusat Penginapan Pelajar, UUM.

Peserta persidangan mempamerkan pelbagai pakaian tradisi dari negara masing-masing seperti dari Kurdistan, Pakistan, Punjab, Nigerian, Iraq, Jordan dan Malaysia selain tarian dan nyanyian oleh pelajar UUM International School dan nyanyian secara solo oleh pelajar dari Pakistan.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.